

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]**

**TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status peruntukan sebanyak RM20juta untuk pembinaan bangunan baru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang telah diluluskan ketika pembentangan Belanjawan 2020 dan kaedah pengagihannya, sama ada SJKC Hillside di Parlimen Rasah akan mendapat sekurang-kurangnya RM1juta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak menyediakan sebarang peruntukan bagi pembinaan bangunan di sekolah bantuan kerajaan. Kos pembinaan sekolah adalah dibiayai oleh Lembaga Pengelola Sekolah berkenaan.

Sekian, terima kasih.